# PRODUCT DISCLOSURE SHEET
## *HELAIAN PENERANGAN PRODUK*

**(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in Takaful *my* SME Partner (Group Medical). Be sure to also read the general terms and conditions.**
***(Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful mySME Partner (Perubatan Berkelompok). Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.***

# Takaful *my* SME Partner
## (Group Medical)

**Date / *Tarikh*** : ____________________

1. **What is this plan about?**
   ***Apakah ciri-ciri pelan ini?***

* This plan provides easy and convenient access to medical care with an extensive network of hospitals, general practitioners and specialists. It covers for hospitalisation and surgical expenses incurred in the event of hospitalisation or out-patient treatments, subject to the terms and conditions of the certificate. In addition, it also provides outpatient care benefits for added protection.

  *Pelan ini menyediakan akses mudah dan selesa kepada rawatan perubatan dengan jaringan luas hospital, pengamal perubatan am dan pakar. Ia melindungi perbelanjaan bagi kemasukan ke hospital dan pembedahan yang ditanggung ketika dimasukkan ke hospital atau rawatan pesakit luar, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sijil. Di samping itu, ia juga menyediakan manfaat rawatan pesakit luar untuk perlindungan tambahan.*

2. **What are the Shariah concepts applicable?**
   ***Apakah konsep Syariah yang digunapakai?***

* This plan applies the Shariah concepts of Wakalah and Tabarru'.
  *Pelan ini menggunakan konsep Syariah Wakalah dan Tabarru'.*
* Wakalah is a contract where the proposed master certificate owner appoints the Company to carry out transactions on his/her behalf to invest and manage the contribution in the Company's Risk Fund i.e. Group Family Takaful Account ("GFTA") in accordance with the Shariah. As a return, the proposed master certificate owner allows the Company to deduct certain amount as wakalah fee for the services rendered.

  *Wakalah adalah kontrak di mana pemilik sijil induk yang dicadangkan melantik Syarikat untuk menjalankan transaksi bagi pihak beliau untuk melabur dan mengurus caruman di dalam Dana Risiko Syarikat iaitu Akaun Takaful Keluarga Berkelompok ("ATKB") menurut Syariah. Sebagai pulangan, pemilik sijil induk yang dicadangkan membenarkan Syarikat untuk menolak sejumlah amaun sebagai yuran wakalah untuk perkhidmatan yang diberikan.*
* Contribution less wakalah fee will be credited to the GFTA as Tabarru' (a.k.a cost of insurance in conventional insurance).
  *Caruman ditolak yuran wakalah akan dimasukkan ke dalam ATKB sebagai Tabarru' (juga dikenali sebagai caj insurans dalam insurans konvensional).*
* Tabarru' means a donation for the purpose of which is not commercial and is used to help other person to be covered in times of misfortune for the purpose of solidarity, brotherhood and cooperation among the person to be covered.
  *Tabarru' bererti satu sumbangan yang bukan bertujuan komersil dan digunakan untuk menolong orang yang akan dilindungi lain yang berada dalam kesusahan atau ditimpa malapetaka atas dasar perpaduan, persaudaraan dan kerjasama antara orang yang akan dilindungi.*
* Distribution of surplus is not guaranteed and shall take into account the overall surplus position of the GFTA. Surplus arising from the GFTA will be distributed in the form of Experience Refund to the participants subject to the eligibility criteria, and other terms and conditions of the Experience Refund as stated in the Quotation.
  *Pengagihan lebihan adalah tidak dijamin dan hendaklah mengambil kira kedudukan lebihan keseluruhan ATKB. Lebihan daripada ATKB akan diagihkan dalam bentuk Pulangan Balik kepada peserta tertakluk kepada kriteria kelayakan dan terma dan syarat Pulangan Balik seperti yang dinyatakan dalam Sebut Harga.*
* Any undistributed surplus will be kept in GFTA to provide for any unfavorable claim experience.
  *Sebarang lebihan yang tidak diagihkan akan disimpan dalam ATKB sebagai peruntukan bagi apa-apa tuntutan yang tidak dijangka.*
* If the GFTA is in deficit, and after having exhausted all available avenues, an interest free loan from the Company on Qardh will be taken. The Qardh will be repaid when the GFTA returns to surplus position and before any surplus is distributed.
  *Jika ATKB mengalami defisit, dan jika tiada cara lain, pinjaman tanpa faedah daripada Syarikat berdasarkan Qardh akan dibuat. Qardh akan dibayar balik apabila pulangan ATKB mendapat keuntungan dan sebelum sebarang lebihan diagihkan.*

**3. What are the covers / benefits provided?**
***Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?***

* Basic benefits under this plan:
*Manfaat asas di bawah pelan ini:*

| **Benefits (RM) / Plan** ***Manfaat (RM) / Pelan*** | **Plan 1 / *Pelan 1*** | **Plan 2 / *Pelan 2*** | **Plan 3 / *Pelan 3*** | **Plan 4 / *Pelan 4*** | **Plan 5 / *Pelan 5*** |
|---|---|---|---|---|---|
| **(A) In-Patient and Daycare Surgical Benefits / *Manfaat Dalam Pesakit dan Pembedahan Jagaan Harian*** | | | | | |
| Daily Hospital Room and Board (Maximum 180 days per disability) / *Bilik dan Penginapan Hospital Harian (Maksimum 180 hari bagi setiap satu keilatan)* | 80 per day / *sehari* | 150 per day / *sehari* | 200 per day / *sehari* | 250 per day / *sehari* | 350 per day / *sehari* |
| Intensive Care Unit (Maximum 30 days per any one disability) / *Unit Rawatan Rapi (Maksimum 30 hari bagi setiap satu keilatan)* | As charged [1] / *Caj sebenar* [1] | | | | |
| Hospital Supplies and Services / *Bekalan dan Khidmat Hospital* | | | | | |
| In-Hospital Physician Visit / *Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital* | | | | | |
| Surgical Fees / *Yuran Pembedahan* | | | | | |
| Anaesthetist Fees / *Yuran Pakar Bius* | | | | | |
| Operating Theatre Fees / *Yuran Bilik Pembedahan* | | | | | |
| Second Surgical Opinion / *Pendapat Pembedahan yang Kedua* | | | | | |
| Day Surgery / *Pembedahan Harian* | | | | | |
| Malaysian Government Service Tax / *Cukai Perkhidmatan Kerajaan Malaysia* | | | | | |
| Ambulance Fees / *Yuran Ambulan* | | | | | |
| Daily Cash Allowance at Malaysian Government Hospital (Maximum 180 days per disability) / *Elaun Tunai Harian Hospital Kerajaan Malaysia (Maksimum 180 hari setiap satu keilatan)* | 80 per day / *sehari* | 100 per day / *sehari* | 150 per day / *sehari* | 180 per day / *sehari* | 200 per day / *sehari* |
| Medical Report Fee / *Yuran Laporan Perubatan* | RM80 per disability / *RM80 setiap satu keilatan* | | | | |
| **(B) Out-Patient Benefits / *Manfaat Pesakit Luar*** | | | | | |
| Pre-Hospital Diagnostic Test (Within 60 days prior to day surgery or hospitalization) / *Ujian Diagnosis Sebelum Penghospitalan (Dalam tempoh 60 hari sebelum pembedahan harian atau penghospitalan)* | As charged [1] / *Caj sebenar* [1] | | | | |
| Pre-Hospital Specialist Consultation (Within 60 days prior to day surgery or hospitalization) / *Rundingan Pakar Sebelum Penghospitalan (Dalam tempoh 60 hari sebelum pembedahan harian atau penghospitalan)* | | | | | |
| Post Hospitalisation Treatment (Within 60 days after hospital discharge) / *Rawatan Selepas Penghospitalan (Dalam tempoh 60 hari selepas discaj hospital)* | | | | | |
| Emergency Accidental Out-patient Treatment (including follow-up treatment up to 60 days) / *Rawatan Kecemasan Kemalangan Pesakit Luar (termasuk rawatan susulan sehingga 60 hari)* | | | | | |
| Emergency Accidental Dental Treatment (including follow-up treatment up to 14 days) / *Rawatan Kecemasan Pergigian Akibat Kemalangan (termasuk rawatan susulan sehingga 14 hari)* | | | | | |
| Out-patient Cancer Treatment / *Rawatan Kanser Pesakit Luar* | | | | | |
| Out-patient Kidney Dialysis Treatment / *Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar* | | | | | |
| **Limits (RM) / *Had (RM)*** | **Plan 1 / *Pelan 1*** | **Plan 2 / *Pelan 2*** | **Plan 3 / *Pelan 3*** | **Plan 4 / *Pelan 4*** | **Plan 5 / *Pelan 5*** |
| **Overall Annual Limit for both (A) and (B) above / *Had Tahunan Keseluruhan untuk (A) dan (B) di atas*** | 12,000 | 35,000 | 60,000 | 80,000 | 100,000 |
| **(C) Additional Benefit / *Manfaat Tambahan*** | **Plan 1 - 5 / *Pelan 1 - 5*** | | | | |
| Funeral Expenses / *Perbelanjaan Pengebumian* | RM5,000 | | | | |

[1] As charged based on reasonable and customary charges, subject to overall annual limit
[1] *Caj sebenar adalah berdasarkan bayaran munasabah dan biasa aiamalkan, tertakluk kepada had tahunan keseluruhan*

* Optional benefit under this plan:
*Manfaat pilihan di bawah pelan ini:*

| **Outpatient Care / *Rawatan Pesakit Luar*** | **Plan 1 / *Pelan 1*** | **Plan 2 / *Pelan 2*** |
|---|---|---|
| **(A) Outpatient General Practitioner (GP) Care / *Rawatan Pengamal Perubatan Am (PPA) Pesakit Luar*** | | |
| (i) Panel GP Clinic Visit / *Lawatan Klinik Panel PPA* | Cashless / *Tanpa Tunai* | Cashless / *Tanpa Tunai* |
| (ii) Emergency Non-Panel GP Clinic Visit / *Lawatan Kecemasan Klinik Bukan Panel PPA* | As Charged / *Caj Sebenar* | As Charged / *Caj Sebenar* |
| (iii) Pap-smear Examination at Panel GP only (maximum once per certificate year) / *Pemeriksaan Pap-Smear di Panel PPA sahaja (maksimum sekali bagi setiap tahun sijil)* | Cashless / *Tanpa Tunai* | Cashless / *Tanpa Tunai* |
| (iv) Overseas GP / *PPA Luar Negara* | Reimbursement basis up to RM50 per visit / *Secara pembayaran semula sehingga RM50 setiap satu lawatan* | Reimbursement basis up to RM50 per visit / *Secara pembayaran semula sehingga RM50 setiap satu lawatan* |
| **(B) Outpatient Specialist Practitioner (SP) Care / *Rawatan Pengamal Perubatan Pakar (PPP) Pesakit Luar*** | | |
| (i) Specialist's Visit (with referral from panel GP Clinic) / *Lawatan Pakar Perubatan (dengan rujukan dari klinik panel PPA)* | As charged; reimbursement basis / *Caj sebenar secara pembayaran semula* | As charged; reimbursement basis / *Caj sebenar secara pembayaran semula* |
| (ii) Overseas SP / *PPP Luar Negara* | Reimbursement basis up to RM200 per visit / *Secara pembayaran semula sehingga RM200 bagi setiap satu* | Reimbursement basis up to RM200 per visit / *Secara pembayaran semula sehingga RM200 bagi setiap satu lawatan* |
| Annual Limit for (B) Outpatient SP Care / *Had Tahunan untuk (B) Rawatan PPP Pesakit Luar* | Up to RM1,000 per member per certificate year / *Sehingga RM1,000 bagi setiap satu ahli bagi setiap tahun sijil* | Up to RM1,500 per member per certificate year / *Sehingga RM1,500 bagi setiap satu ahli bagi setiap tahun sijil* |

* Duration of cover is for one year. You need to renew your certificate annually.
*Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu membaharui sijil setiap tahun.*

**4. How much contribution do I have to pay?**
***Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?***

* Please refer to the Schedule of Annual Contribution below.
*Sila rujuk kepada Jadual Caruman Tahunan di bawah.*

| **Basic Benefits: Hospitalisation & Surgical / *Manfaat Asas: Kemasukan Ke Hospital & Pembedahan*** | **Plan 1 / *Pelan 1*** | **Plan 2 / *Pelan 2*** | **Plan 3 / *Pelan 3*** | **Plan 4 / *Pelan 4*** | **Plan 5 / *Pelan 5*** |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Annual Limit / *Had Tahunan* : RM12,000** | **Annual Limit / *Had Tahunan* : RM35,000** | **Annual Limit / *Had Tahunan* : RM60,000** | **Annual Limit / *Had Tahunan* : RM80,000** | **Annual Limit / *Had Tahunan* : RM100,000** |
| Employee Only / *Pekerja Sahaja* | RM250 | RM350 | RM440 | RM500 | RM630 |
| Employee & Spouse / *Pekerja & Pasangan* | RM625 | RM875 | RM1,100 | RM1,250 | RM1,575 |
| Employee & Children / *Pekerja & Anak-anak* | RM625 | RM875 | RM1,100 | RM1,250 | RM1,575 |
| Employee & Family / *Pekerja & Keluarga* | RM1,000 | RM1,400 | RM1,760 | RM2,000 | RM2,520 |

| **Optional Benefit : Outpatient Care / *Manfaat Pilihan: Rawatan Pesakit Luar*** | **Plan 1 / *Pelan 1*** | **Plan 2 / *Pelan 2*** |
|---|---|---|
| Annual Contribution per Employee/Dependant (Spouse & Children) / *Caruman Tahunan bagi setiap satu Pekerja/Tanggungan (Pasangan & Anak-anak)* | RM560 | RM670 |

* The total contribution due may vary depending on the underwriting requirements of the Company (if applicable).
*Jumlah caruman yang perlu dibayar mungkin berubah mengikut syarat-syarat pengunderaitan yang ditentukan oleh Syarikat (jika berkenaan).*
* The contributions are not guaranteed. The Company may revise the contribution in the future in the event of adverse claims experience. The revision will apply to all person to be covereds at the certificate renewal regardless of their claims experience.
*Caruman adalah tidak dijamin. Syarikat mungkin menukar caruman pada masa akan datang sekiranya berlaku pengalaman tuntutan yang merugikan. Penukaran akan diguna pakai ke atas semua orang yang akan dilindungi pada sijil pembaharuan tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka.*

**5. What are the fees and charges that I have to pay?**

***Apakah caj-caj dan yuran-yuran yang perlu saya bayar?***

* Wakalah fee is 35% of the total contribution paid which shall consist of commission / administration fee and other expenses.

*Yuran Wakalah adalah 35% daripada jumlah caruman dibayar yang terdiri daripada komisyen / yuran pengurusan dan perbelanjaan lain.*

* Prior to the enforcement of the Goods and Services Tax (GST), 6% service tax shall be imposed on contribution payable by organization except for organization located at Free Trade Zone. Upon the enforcement of the GST, the service tax shall cease to be applicable and the Company shall reserve the right to levy the GST at the prescribed rate on each contribution due and payable by all certificate owners i.e. individual and/or organization (where applicable).

*Sebelum penguatkuasaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), cukai perkhidmatan 6% akan dikenakan ke atas caruman yang perlu dibayar oleh organisasi kecuali untuk organisasi yang terletak di Zon Perdagangan Bebas. Setelah penguatkuasaan GST, penggunaan cukai perkhidmatan itu hendaklah dihentikan dan Syarikat berhak untuk mengenakan GST pada kadar yang ditetapkan untuk setiap caruman patut dan perlu dibayar oleh semua pemilik sijil iaitu individu dan/atau organisasi (dimana berkenaan).*

**6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?**

***Apakah sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?***

* Importance of disclosure - You must disclose all material facts and state the age of the person to be covered correctly.

*Kepentingan pemberitahuan - Anda mesti memberitahu semua fakta material dan menyatakan umur orang yang akan dilindungi dengan betul.*

* Waiting period for hospitalisation & surgical - the eligibility for benefits under this plan will only start thirty (30) days from the effective date of the certificate for illness other than specified illnesses. It is only applicable for the first year of cover. However, if there is a break in takaful coverage, the waiting period will be applicable again.

*Tempoh menunggu untuk kemasukan ke hospital & pembedahan - bagi penyakit selain daripada penyakit tertentu, kelayakan untuk manfaat di bawah pelan ini hanya akan bermula tiga puluh (30) hari dari tarikh berkuatkuasa sijil. Ia hanya terpakai untuk tahun perlindungan yang pertama. Bagaimanapun, sekiranya terdapat gangguan perlindungan, tempoh menunggu akan diambil kira sekali lagi.*

* Free-look period - You may cancel this plan by returning the certificate within fifteen (15) calendar days after the certificate has been received by you. The contributions that you have paid (less any medical fee incurred) will be refunded to you.

*Tempoh penelitian percuma - Anda boleh membatalkan pelan ini dengan memulangkan sijil dalam tempoh lima belas (15) hari kalendar selepas sijil diterima oleh anda. Caruman yang anda telah bayar (tolak dengan sebarang yuran perubatan yang telah dikenakan) akan dibayar balik kepada anda.*

* Cash before cover - The coverage will take effect when the Company receives your completed forms together with contribution payment in full, subject to the Company's acceptance.

*Tunai sebelum perlindungan - Perlindungan akan berkuat kuasa apabila Syarikat menerima borang yang lengkap bersama-sama dengan bayaran caruman penuh, tertakluk kepada penerimaan kami.*

* Unless renewed, the coverage will cease on the expiry date and the Company will not be liable for any expenses that take place after the expiry date.

*Perlindungan akan terhenti pada tarikh tamat tempoh jika sijil tidak diperbaharui, dan Syarikat tidak bertanggungjawab untuk apa-apa perbelanjaan yang ditanggung selepas tarikh tamat tempoh.*

Note / *Nota:*

The above list is non-exhaustive. Please refer to the takaful certificate for the terms and conditions under this plan including the optional benefit.

*Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat bagi pelan ini termasuk manfaat pilihan.*

**7. What are the major exclusions under this plan?**

***Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?***

* Specified illnesses occurring during the first one hundred and twenty (120) days of continuous cover.

*Penyakit tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan berterusan.*

* Self-inflicted injuries or suicide or attempted suicide, while sane or insane.

*Kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri atau bunuh diri atau cubaan bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.*

* Plastic or cosmetic surgery and related treatments.

*Pembedahan plastik / kosmetik dan rawatan yang berkaitan.*

Note / *Nota:*

The above list is non-exhaustive. Please refer to the takaful certificate for the full list of exclusions under this plan including the optional benefit.

*Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk senarai pengecualian yang lengkap bagi pelan ini termasuk manfaat pilihan.*

8. **Can I cancel my certificate?**
   ***Bolehkah saya membatalkan sijil saya?***
   You may cancel your certificate by giving a written notice to the Company. Upon cancellation, you will be entitled for a refund of contribution calculated on pro-rate basis in proportion to the unexpired period of cover from the cancellation date to the next due date provided that no claim has been made under the certificate during the current period of takaful.
   *Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. Apabila pembatalan, anda berhak menerima pengembalian caruman yang dikira berdasarkan nisbah pro-rata bagi tempoh perlindungan yang belum tamat dari tarikh pembatalan sehingga tarikh caruman patut dibayar yang akan datang dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah sijil sepanjang tempoh takaful semasa.*

9. **What do I need to do if there are changes to my contact details?**
   ***Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?***
   It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.
   *Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan ke atas maklumat hubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang ditetapkan.*

10. **Where can I get further information?**
    ***Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?***
    Should you require additional information about medical and health takaful, please refer to the insuranceinfo booklet on 'Medical & Health Takaful', available at all our branches or visit www.islamicfinanceinfo.com.my
    *Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan takaful perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku panduan insuranceinfo mengenai 'Medical & Health Takaful', boleh didapati di mana-mana cawangan kami atau layari www.islamicfinanceinfo.com.my*

    If you have any queries, please contact us at:
    *Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :*

    **Syarikat Takaful Malaysia Berhad (131646 - K)**

| | |
|---|---|
| Head Office / *Ibu Pejabat* : | 26th Floor, Annex Block, Menara Takaful Malaysia,<br>No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur<br>P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur |
| Telephone / *Telefon* : | 603-2268 1984 |
| Fax / *Faks* : | 603-2274 0237 |
| Website / *Laman Sesawang* : | takaful-malaysia.com.my |
| Customer Service / *Khidmat Pelanggan* : | 1-300 8 TAKAFUL (825 2385) |
| E-mail / *E-mel:* | csu@takaful-malaysia.com.my |

11. **Other similar types of family takaful cover available**
    ***Lain-lain jenis perlindungan takaful keluarga yang disediakan***
    Please ask the Company/takaful agent for other similar types of plans offered by the Company.
    *Sila ajukan pertanyaan kepada Syarikat/ejen takaful untuk lain-lain jenis pelan yang serupa yang ditawarkan oleh Syarikat.*

**IMPORTANT NOTES / *NOTIS PENTING* :**
**YOU SHOULD SASTIFY YOURSELF THAT THIS PLAN BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE TAKAFUL AGENT OR CONTACT THE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.**
***ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS PELAN YANG PALING SESUAI DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN TAKAFUL ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT UNTUK MAKLUMAT LEBIH LANJUT.***

Syarikat Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.
*Syarikat Takaful Malaysia Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.*

The information provided in this disclosure sheet is valid as at _______________.
*Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan ini adalah berkuatkuasa pada _______________.*